

Mendapan tanah akibat longkang runtuh di Kampung Kerinchi

KUALA LUMPUR - Satu lagi kejadian mendapan tanah dilaporkan berlaku di Jalan Pantai Permai, Kampung Kerinchi dekat sini.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menerusi perkongsian di Facebook memaklumkan, kejadian terbabit dilaporkan berlaku sekitar jam 10 malam pada Isnin.

Menurutnya, langkah keselamatan dilakukan seurus menerima laporan kejadian.

“DBKL mengambil maklum mengenai longkang runtuh di

Jalan Pantai Permai, Kampung Kerinchi.

“Kerja-kerja awalan seperti pemasangan tali keselamatan, penghadang air dan kon telah dilakukan di kawasan kejadian,” katanya menerusi perkongsian di Facebook pada Selasa.

Menerusi gambar dikongsi, kawasan terlibat membabitkan laluan pejalan kaki selain turut membabitkan sebahagian kecil struktur jalan bersebelahan.

Insiden bagaimanapun tidak melibatkan mangsa dan kerosakan harta benda awam.



Kejadian dilaporkan berlaku sekitar jam 10 malam pada Isnin.